

BERITA HARIAN

# Guan Eng jamin Islam dilindungi

**G**EORGETOWN: Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng semalam memberi jaminan kedudukan Islam di negeri ini tidak terjejas walaupun berlaku peralihan kuasa.

Beliau juga meminta masyarakat Islam supaya tidak mempercayai khabar angin, sebaliknya menegaskan kerajaan negeri sedia mendengar pandangan daripada pertubuhan Islam.

Sambil menolak khabar angin mengenai azan tidak akan dikumandangkan berikutan peralihan kuasa itu, beliau berjanji akan mewakili semua kaum di negeri ini tanpa mengira fahaman-politik, bangsa dan agama dalam setiap perkara.

"Kerajaan negeri muhibah. Jadi, jangan dengar khabar angin. Saya akan dengar suara semua rakyat dan masyarakat Islam akan terus mendengar azan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan 21 badan bukan kerajaan (NGO) Islam di Pulau Pinang disini, semalam.

Lim yang juga Setiausaha Agung Dap berjanji akan terus menolong masyarakat Islam di negeri itu.

"Saya akan tolong orang Islam. Malah, penduduk Kampung Tanjung Tokong yang dihuni masyarakat Melayu Islam adalah kawasan pertama saya lawat sebaik saja menang pilihan raya," katanya.

Ditanya mengenai desakan Umno Pulau Pinang supaya kerajaan Persekutuan menghentikan projek pembangunan di negeri ini, Lim berkata, ia bersifat dengki dan berunsur balas dendam.

Katanya, tindakan itu membelakangkan rakyat dan tidak menghormati demokrasi sedangkan pemerin-

tah harus menerima dan menghormati keputusan rakyat pada pilihan raya lalu.

Beliau berkata, tindakan itu tidak wajar kerana Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah Perdana Menteri untuk semua negeri, termasuk yang dikuasai pembangkang.

"Sebanyak 51 peratus undi memihak kepada Barisan Nasional (BN) manakala 49 peratus pembangkang. Kalau Abdullah mahu mewakili 51 peratus saja, maknanya kita ada dua Perdana Menteri kerana Anwar Ibrahim mewakili pembangkang," katanya.

Sementara itu, Penasihat Jemaah Islah Malaysia (JIM) negeri, Dr Darnial Zainal Abidin, berkata pihaknya mahu mendengar perancangan kerajaan negeri berkaitan Islam.

Beliau berkata, pada pertemuan itu, NGO Islam menyuarakan pandangan berkaitan institusi masjid, surau dan sekolah agama rakyat (SAR) serta pembelaan terhadap umat Islam.

"Umumnya, Lim terima pandangan ini. Kita mahu memastikan syiar Islam di negeri ini berkembang maju dan tidak terjejas berikutan peralihan kuasa," katanya.

## FAKTA NOMBOR

Penduduk Pulau Pinang

**645,900**

Cina

**601,200**

Melayu